

**GARIS PANDUAN PENGURUSAN
WANG PERUNTUKAN SEMENTARA (WPS)**

KANDUNGAN

<u>Tajuk</u>	<u>Muka Surat</u>
1.0 Pengertian Wang Peruntukan Sementara (WPS)	1
2.0 Carta Aliran	1
3.0 Penyediaan Anggaran dan Peruntukan WPS Di dalam Dokumen Tender	1
4.0 Penyediaan Anggaran Kos Muktamad	1
5.0 Kelulusan Untuk Melaksanakan WPS	1 - 2
6.0 Takrif Kerja	
6.1 Kategori Biasa	2
6.2 Kategori 'Pakar'	2
7.0 Kaedah Pelaksanaan	2 - 3
8.0 Jawatankuasa Yang Meluluskan Harga	3

Lampiran dan Borang

Lampiran I	-	Carta Aliran Pelaksanaan WPS
Lampiran II	-	Tatacara Perolehan Bagi WPS Untuk Kerja, Bekalan atau Perkhidmatan 'Pakar'.
Lampiran III	-	Contoh Butiran WPS Yang Diperuntukkan Dalam Dokumen Tender
Borang E	-	Permohonan Untuk Melaksanakan Item Di Bawah WPS Yang Dijangka Melebihi 30% / 50% Dari Peruntukan Asal
Borang F	-	Permohonan Untuk Kelulusan Harga WPS
Lampiran F1	-	Butir-Butir Harga Yang Dicadangkan (Bagi Kategori Biasa)
Lampiran F2-1/F2-2	-	Butir-Butir Harga Yang DiTawarkan (Bagi Kategori Pakar)

1.0 Pengertian Wang Peruntukan Sementara (WPS)

Wang Peruntukan Sementara (WPS) bererti sejumlah wang yang diperuntukkan bagi kerja, bekalan barang-barang/bahan atau perkhidmatan yang sama sekali tidak boleh diramal, ditetapkan atau dihuraikan semasa dokumen tender disediakan.

2.0 Carta Aliran

Prosedur bagi pelaksanaan WPS adalah seperti Carta Aliran di **Lampiran I**

3.0 Penyediaan Anggaran dan Peruntukan WPS Di dalam Dokumen Tender.

Bagi memastikan jumlah WPS yang diperuntukkan di dalam dokumen tender adalah munasabah dan setepat mungkin, anggaran bagi WPS hendaklah disediakan oleh pegawai-pegawai yang berpengalaman dan terlibat secara langsung dengan item WPS berkenaan.

4.0 Penyediaan Anggaran Kos Kerja Yang Akan Dilaksanakan

Pejabat yang melaksanakan projek, dengan bantuan pegawai yang mempunyai pengetahuan/kepakaran yang berkaitan dengan item WPS berkenaan, hendaklah menyediakan anggaran kos bagi item yang akan dilaksanakan sebelum meneruskan pelaksanaannya.

5.0 Kelulusan Untuk Melaksanakan WPS

5.1 Berdasarkan anggaran kos yang disediakan, pihak-pihak yang berkuasa untuk meluluskan pelaksanaan setiap WPS adalah seperti berikut:-

Bil.	Peratus (%) Perbezaan Berbanding Dengan Peruntukan Di dalam Kontrak	Pihak Berkuasa
1.	Tidak melebihi 30%	Pengarah Negeri / Jurutera Projek
2.	Melebihi 30% sehingga 50%	Pengarah Bahagian
3.	Melebihi 50%	Ketua Pengarah / Timbalan Ketua Pengarah

- 5.2 Bagi situasi di para 5.1 Bil.1, Pengarah Negeri atau Jurutera Projek boleh terus menguruskan perbelanjaan WPS mengikut kaedah pelaksanaan seperti dijelaskan di para 7.0.
- 5.3 Bagi situasi di para 5.1 Bil. 2 dan 3, kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan perlu didapatkan terlebih dahulu sebelum tindakan seterusnya diambil. Permohonan untuk kelulusan hendaklah menggunakan **Borang E** seperti dilampirkan.

6.0 Takrif Kerja (Termasuk Bekalan dan Perkhidmatan)

6.1. Kategori Biasa

Kategori biasa adalah kerja-kerja yang mana kebanyakan item kerja dan kadar harganya terdapat di dalam kontrak atau tidak sukar ditentukan dan ianya boleh dilaksanakan oleh Kontraktor sendiri.

6.2 Kategori `Pakar`

- a) Kategori `pakar` adalah kerja, bekalan atau perkhidmatan yang mana Kontraktor Utama tidak mempunyai kepakaran atau tidak layak untuk melaksanakannya dan pihak ketiga perlu dilantik;
- atau
- b) Kerja, bekalan atau perkhidmatan yang mana kadar harga tidak terdapat di dalam kontrak dan sukar ditentukan.

7.0 Kaedah Pelaksanaan

- 7.1 Kaedah pelaksanaan WPS adalah berdasarkan kategori kerja seperti di para 6.0.
- 7.1.1 Bagi kategori biasa, Pengarah Negeri atau Jurutera Projek boleh menentukan atau mengeluarkan arahan kepada Kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja berkenaan.
- 7.1.2 Bagi kategori `pakar`, tatacara perolehan adalah sebagaimana di **Lampiran II**.
- 7.1.3 Contoh butiran WPS yang diperuntukkan dalam Dokumen Tender/ Senarai Kuantiti adalah seperti di **Lampiran III**. Bagi kerja-kerja di bawah kategori biasa, tiada kos pengurusan, keuntungan dan layanan (attendance) perlu diperuntukkan. Bagi kerja-kerja dalam kategori `pakar`, item bagi `kos pengurusan, keuntungan dan layanan` hendaklah

diperuntukkan untuk dihargaikan oleh kontraktor semasa tender (hanya terpakai untuk tender terbuka/terhad sahaja). Kos pengurusan, keuntungan dan layanan ini akan dibayar kepada Kontraktor Utama sekiranya kerja dilaksanakan oleh pihak ketiga. Walau bagaimanapun, Kontraktor Utama boleh mengambil bahagian di dalam Sebutharga/Tender yang dipelawa sekiranya mempunyai kelayakan yang bersesuaian dan jika terpilih, harga tawarannya hendaklah disifatkan sebagai termasuk kos pengurusan, keuntungan dan layanan dan kontraktor tidak berhak dibayar kos tersebut.

- 7.2 Di mana kerja/bekalan/perkhidmatan di bawah WPS berkenaan tidak memerlukan penglibatan Kontraktor Utama, item berkenaan boleh dilaksanakan dengan mempelawa tawaran terus daripada subkontraktor/pembekal/pengkhidmat yang bersesuaian dan berkelayakan, tanpa melibatkan Kontraktor Utama. Prosedur untuk mendapatkan kelulusan harga adalah sama seperti yang dinyatakan di para 8.0. Bayaran terus boleh dibuat kepada subkontraktor/pembekal/pengkhidmat berkenaan dengan menggunakan Inden atau Pesanan Tempatan.

8.0 Jawatankuasa Yang Meluluskan Harga

Jawatankuasa yang meluluskan harga bagi item WPS adalah seperti berikut :

Bil.	Nilai Perolehan	Pihak Yang Meluluskan
1.	Tidak melebihi RM200,000	Jawatankuasa APK Peringkat Pengarah Negeri/Jurutera Projek
2.	Melebihi RM200,000 – RM1 juta	Jawatankuasa APK Peringkat Pengarah Bahagian
3.	Melebihi RM1 juta – RM 3 juta	Jawatankuasa APK Peringkat Timbalan Ketua Pengarah
4.	Melebihi RM3 juta	Jawatankuasa APK Peringkat Ketua Pengarah